



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

INISIATIF WANITA BANGKIT@KPWKM TERUS BANTU WANITA JANA PENDAPATAN

LAHAD DATU, 16 April – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara (YKN) hari ini merasmikan Kursus Bimbingan Perniagaan Bagi Program MyKasih Kapital yang merupakan sebuah inisiatif di bawah **Program Wanita Bangkit@KWPKM** dalam membantu golongan wanita terutamanya yang hilang punca pendapatan, pencari nafkah utama dan ibu tunggal. Program di Lahad Datu yang disertai **300** peserta wanita ini adalah lanjutan daripada siri lawatan kerja Yang Berhormat Menteri bagi menggerakkan Program Wanita Bangkit@KPWKM yang setakat ini telah disertai oleh seramai **4,130** orang peserta sejak beliau menerajui KPWKM.

Objektif Kementerian menerusi inisiatif MyKasih Kapital adalah untuk memperkasa ekonomi kumpulan sasaran dan meningkatkan taraf hidup golongan wanita yang memerlukan bantuan segera kewangan untuk memulakan perniagaan melalui bantuan MyKasih Kapital. Pendekatan ini adalah untuk mengoptimumkan potensi individu berdasarkan kemahiran agar dapat menjana pendapatan melalui perniagaan yang mereka ceburi.

Kursus bimbingan yang diberikan adalah persediaan asas bagi golongan wanita untuk mempersiapkan diri menceburi bidang keusahawanan dan memulakan perniagaan e-dagang, dropship dan perniagaan kecil-kecilan yang bukan di bawah skim keusahawanan yang ditawarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Aspek bimbingan dan kaunseling iaitu *psychoeducation* menjadi fokus utama Program Wanita Bangkit@KPWKM bagi tahun 2023 yang mana wanita-wanita yang ingin dibantu akan diberi perkongsian untuk memantapkan diri dengan mengenali potensi diri oleh Kaunselor Berdaftar Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS). Melalui perkongsian potensi diri para peserta dapat meningkatkan jati diri ~~wanita~~ dan memberi kesedaran serta penerokaan ilmu baharu melalui sokongan emosi yang mampu membangkitkan daya tahan untuk memulakan kehidupan yang baharu akibat hilang punca pendapatan kesan Pandemik Covid-19, perceraian, penderaan dari segi fizikal atau emosi dan peningkatan kos sara hidup. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai Rakan Strategik YKN memberikan taklimat mengenai Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan Skim Keselamatan Perkejaan Sendiri (SKPS) kepada para peserta. Kedua-dua skim perkhidmatan ini memberi perlindungan kepada ahli sekiranya terjadi bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga di samping menjana pendapatan keluarga.

Setakat hari ini, Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM telah membimbing dan membangunkan **seramai 18,900** wanita seluruh negara melalui kursus-kursus keusahawanan dan bimbingan permulaan perniagaan dengan kolaborasi strategik pelbagai jabatan, agensi dan syarikat korporat.

Kementerian komited untuk terus memartabatkan golongan wanita dalam aspek sosio-ekonomi. Kerajaan yakin dengan adanya inisiatif ini, golongan yang terjejas khususnya wanita dapat dibantu untuk meningkatkan ekonomi diri, keluarga dan juga negara.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 APRIL 2023**